

Mokhtar tak rebut Ketua Pemuda

BANGI, Jumaat — Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Mokhtar Hashim hari ini mengumumkan beliau tidak akan bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, September depan.

Beliau juga akan

melepaskan jawatannya sekarang.

Mengumumkan demikian, Datuk Mokhtar berkata, tugasnya sebagai Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan berlandaskan konsep yang hampir sama untuk jawatan dipertandingkan.

Dengan pengumuman itu, spekulasi bahawa

Datuk Mokhtar akan menentang Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin untuk jawatan itu berakhir.

Sebelum ini, beberapa Bahagian Pemuda UMNO telah pun mencalonkan beliau bertanding bagi jawatan Ketua dan Timbalan Ketua.

Datuk Mokhtar berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran dan Bengkel Seni Khat, di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi.

“Setakat ini, Bahagian-bahagian Pemuda UMNO telah mencalonkan tiga tokoh untuk jawatan Ketua Pemuda,” katanya.

Datuk Mokhtar menyatakan ketiga-tiga tokoh tersebut mempunyai identiti dan ketokohan masing-masing.

Dengan adanya perkembangan demikian akan memberi peluang untuk Pemuda UMNO memilih tokoh-tokoh pilihan sendiri.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Bahagian-bahagian UMNO yang mencalonkannya.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri membayangkan beliau akan terus memegang jawatan tersebut yang telah disandangnya sejak tahun 1978.

Berita Harian difahamkan setakat ini, beberapa Bahagian UMNO di Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Trengganu mencalonkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim untuk jawatan tersebut.

Bagaimanapun beliau menyatakan setakat ini, beliau tidak mahu memberi kata putus.

Menurutnya, beliau akan menghormati pandangan ramai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia